

DATE: 12/11/2009

## Bosnia: Kukuhkan hubungan perdagangan

UM / 12/11/09

KUALA LUMPUR 11 Nov. — Malaysia seharusnya menjalin hubungan perdagangan yang baik dengan Bosnia and Herzegovina untuk menggunakan saluran hubungan yang mereka ada di Eropah Timur.

Mengesyorkan perkara ini, mantan perdana menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sepatutnya menjadi rakan kongsi asing kepada Bosnia kerana terdapat banyak peluang di rantau ekonomi Eropah Timur.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan selepas berakhirnya "Forum Perniagaan Global Malaysia — Bosnia" yang diadakan di Kuching hari ini. Turut hadir di forum tersebut ialah Presiden Bosnia dan Herzegovina, Dr. Haris Silajdzic.

Dr. Mahathir berkata, persidangan itu tepat pada masa, sambil menambah Sarawak merupakan lokasi paling strategik kerana ia berminat untuk memainkan peranan dalam pembangunan perdagangan.

Dr. Silajdzic berterima kasih kepada Sarawak kerana menganjurkan persidangan itu dengan berkata beliau akan membawa pulang idea ekonomi yang bernilai daripada Dr. Mahathir ke negaranya.

"Dalam forum ini, perniagaan sebenar diperbincangkan, yang membawa hubungan antara kedua-dua negara ke tahap pelbagaian ekonomi baharu dengan kumpulan pendidikan, tenaga, halal dan pelancongan saling bekerjasama," katanya.

BERNAMA



PRESIDEN Bosnia Herzegovina, Dr. Haris Silajdzic (dua dari kanan) memperkatakan sesuatu kepada mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menghadiri Forum Perniagaan Global Malaysia-Bosnia yang berlangsung di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) Kuching, Sarawak, semalam.